



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**28 JUN 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **258 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **69,025 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 169 menjadikan jumlah kumulatif 66,850 orang. Seramai 1,539 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 440 orang di hospital, 983 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 116 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 67 orang dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna berubah dari zon merah ke zon jingga, Sipitang dari zon jingga ke zon kuning, manakala daerah Tenom dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

5 Analisa Kes COVID-19 di Sabah

- Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan 68 kes iaitu daripada 190 kes semalam (27 Jun 2021) kepada 258 kes (28 Jun 2021).

- ii Daripada 258 kes jangkitan baharu hari ini, 93 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 99 kes adalah daripada saringan kluster, 16 kes adalah daripada saringan bergejala, 36 kes daripada saringan bersasar dan 14 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 11 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan tujuh (7) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala empat (4) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu 71 kes (+33), Kinabatangan 11 kes (+11), Tawau 43 kes (+31) dan Keningau 23 kes (+12).
- iv Walau bagaimanapun, 12 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes pada julat satu (1) angka.
- v Pada hari ini, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes Beluran, Telupid, Kunak, Tongod, Ranau, Tuaran, Sipitang dan Nabawan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah tujuh (7) daerah mencatatkan kes pada julat dua (2) angka manakala daerah lain hanya pada julat satu (1) angka, (11) daerah mencatatkan kenaikan kes, (12) daerah mencatatkan penurunan kes, empat (4) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes, satu (1) daerah (Beluran) sebagai Zon Hijau, dan enam (6) kluster dengan catatan aktif iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (27 kes), Kluster Kuarters Bata Durok (23 kes), Kluster Serudung Baru (15 kes), Kluster Paris Tiga (11 kes), Kluster Kebayau enam (6) kes dan Kluster Brumas Camp lima (5) kes, yang merupakan sebahagian dari kumulatif saringan kluster sedia ada sebanyak (99) kes.
- vii Setakat ini, Daerah Zon Hijau hanya tinggal satu (1), dan dengan jumlah catatan sebanyak (93) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,992 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 220 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 38.55%.

## **B PENINGKATAN CATATAN KES POSITIF COVID-19 DI KOTA KINABALU, KUDAT DAN KENINGAU**

1 Sebanyak 71 kes dicatatkan di daerah Kota Kinabalu pada hari ini.

2 Daripada jumlah tersebut, (30) kes adalah daripada Saringan Kluster Sedia Ada iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (Penjara Kepayan) sebanyak (27) kes, Kluster Samedra dua (2) kes dan Kluster Jalan Bundusan satu (1) kes.

3 Selain itu, turut menyumbang kepada peningkatan kes di Kota Kinabalu ialah (18) kes berpunca dari Saringan Bersasar, (12) kes dari Saringan Kontak Rapat dan (11) kes berpunca dari Pelbagai Saringan.

4 Bagi daerah Kudat (36) kes pula, (19) kes berpunca dari Saringan Kontak Rapat, (16) kes dari Saringan Bersasar dan satu (1) kes dari Saringan Bergejala.

5 Manakala bagi Keningau yang mencatatkan (23) kes pada hari ini keseluruhannya berpunca daripada Saringan Kluster Kuarters Bata Durok, iaitu kluster yang berpunca dari kilang bata di Keningau.

## **C PKPD KAMPUNG LINDUKAAN, KOTA MARUDU**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Lindukaan, Kota Marudu.

2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di lokaliti ini di mana 11 kes positif telah direkodkan hasil dari 47 ujian saringan yang dijalankan dengan kadar positifiti 23.4%.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Linukaan, Kota Marudu berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada dalam kawasan PKPD dan memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes positif supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

#### **D PKPD 3 LOKALITI DI KUDAT**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti di Kudat iaitu:
  - Kampung Timbagan, Matunggong
  - Kampung Perpaduan Gumpa
  - Kampung Perpaduan 2
- 2 Sebanyak 29 kes telah dilaporkan selepas KKM melakukan 55 ujian saringan di ketiga-tiga lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di Kudat berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

#### **E PKPD RUMAH PEKERJA LADANG SUNGAI BALUNG, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Rumah Pekerja Ladang Sungai Balung, Tawau.

- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 46 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati trend kes telah meningkat dan kadar kebolehhajngkitan yang tinggi di lokaliti itu.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Pekerja Ladang Sungai Balung, Tawau berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**F PKPD KUARTERS KILANG BATA KAMPUNG DUROK, KAMPUNG LIMBAWAN SAYUR KENINGAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kuarters Kilang Bata Kampung Durok, Kampung Limbawan Sayur Keningau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 236 ujian saringan dan 31 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati trend kes telah meningkat dan kadar kebolehhajngkitan yang tinggi di lokaliti itu.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuarters Kilang Bata Kampung Durok, Kampung Limbawan Sayur Keningau berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **G PKPD KAMPUNG PONDO, PULAU GAYA, KOTA KINABALU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Pondo, Pulau Gaya, Kota Kinabalu.
- 2 Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah direkodkan dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pondo, Pulau Gaya, Kota Kinabalu berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **H PENAMATAN AWAL PKPD GRACE VILLA CONDO, SEMBULAN, KOTA KINABALU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 03 Julai 2021.
- 2 Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 448 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu pada 28 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **I PENAMATAN AWAL PKPD KAMPUNG PENGARABAN, KUDAT**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pengaraban, Kudat yang dijadualkan tamat pada 02 Julai 2021.
- 2 Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 256 ujian saringan dan 74 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pengaraban, Kudat pada 28 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **J PENAMATAN AWAL PKPD KAMPUNG PERPADUAN, PULAU BANGGI, KUDAT**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat yang dijadualkan tamat pada 03 Julai 2021.
- 2 Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 155 ujian saringan dan 23 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat pada 28 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**



## **K STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **63,042** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **54,613** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **3,507** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **313,160** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **6,794** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **114,078** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 5,243 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 873,818 (mysejahtera 799,883 : laman web 73,659 : talian vaksinasi 276) bersamaan 30.5%.

## **L BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **207,273** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **M LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 146 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 53,046 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 762 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2           Sebanyak 52 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 25 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - Lima (5) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Tiga (3) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - 13 orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan
  - Lima (5) orang : Tidak Mematuhi Arahan Penjarakan Sosial
  - Satu (1) orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai
- 3           Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 106 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4           Laporan Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i   Sebanyak 1,010 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii  Satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT atas kesalahan individu tidak memakai pelitup muka. Kompaun dikeluarkan di daerah Kinabatangan.
  - iii Sebanyak dua (2) notis amaran dikeluarkan iaitu satu (1) di Sandakan dan satu (1) di Sipitang.
  - iv  Majlis Perbandaran Sandakan juga terlibat dalam agihan bakul makanan, agihan poster dan risalah, membantu dalam program imunisasi dan melaksanakan PKPD di Kg. Sundang Laut, Kg. Nelayan Batu 10 dan Flat Taman Indah Jaya.
  - v   Majlis Daerah Penampang juga terlibat dalam penugasan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Pusat Kebudayaan Penampang.
  - vi  Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 116 premis perniagaan dan 175 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis. Seramai 50 orang terlibat hantar bakul makanan di PKPD Likas 2.0 harini.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 308 Premis Perniagaan melibatkan 87 anggota APM. Sebanyak 67 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 93 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 12 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 166 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 175 hebahan di seluruh Sabah.

**N KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Keningau	96%
2	Ranau	95.5%
3	Beluran	95.5%
4	Sipitang	95.5%
5	Semporna	95%
6	Kota Kinabalu	95%
7	Kunak	95%
8	Kota Marudu	95%
9	Tenom	95%
10	Kudat	95%
11	Kota Belud	95%
12	Sandakan	95%
13	Tuaran	95%
14	Beaufort	95%
15	Penampang	95%
16	Papar	95%
17	Kinabatangan	95%
18	Tawau	94.5%
19	Lahad Datu	94.5%

2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**